

**PERILAKU MORFO-SINTAKSIS IMBUHAN meN-kan:  
ANALISIS DATA KORPUS BERKOMPUTER**

**MOHD RA'IN BIN SHAARI**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI**

**SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH**

**IJAZAH SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN LINGUISTIK**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**BANGI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD RA'IN BIN SHAARI

10 Oktober 2003

P22660



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan Kertas Projek ini. Selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad s.a.w., keluarganya, para sahabat dan pengikutnya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa terhutang budi yang tidak ternilai harganya kepada Prof. Madya Dr. Zaharani Bin Ahmad, pensyarah Jabatan Linguistik selaku penyelia Kertas Projek ini atas penglibatan beliau secara bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam mencurahkan bimbingan, nasihat dan teguran sepanjang kajian ini dilakukan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Prof. Madya Dr. Nor Hashimah Bt. Jalaluddin, pensyarah ATMA; Prof. Madya Dr. Imran Ho Abdullah, pensyarah Program Bahasa Inggeris dan Pn. Maslida Bt. Yusof, pensyarah Program Linguistik atas bimbangan dan nasihat.



Ribuan terima kasih juga kepada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta pegawai-pegawaiannya kerana membenarkan saya menggunakan semua kemudahan untuk mendapatkan data korpus berkomputer. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan Perpustakaan UKM, Perpustakaan UPSI, Perpustakaan DBP, Perpustakaan Tun Razak, Ipoh dan Perpustakaan Awam Negeri Perak atas komitmen mereka semasa saya mengumpul bahan bacaan untuk kajian ini.

Tidak ketinggalan juga kepada isteri tercinta Junaidah Bt. Hj. Musa yang telah banyak memberi dorongan serta putera penyeri hidup, Mohamad Naufal yang memberi inspirasi untuk terus menyiapkan kertas projek ini. Seterusnya kepada semua mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini yang tidak tercatat nama mereka di sini. Semoga semua sumbangan dan usaha ini akan diterima Allah sebagai amal soleh.

-Mohd. Ra'in Bin Shaari-





## ABSTRAK

Kajian ini menghuraikan perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dengan meneliti data korpus berkomputer. Perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan sebagai salah satu penanda kata kerja transitif (KKT) dapat diteliti dengan jelas melalui pendekatan struktural. Secara umumnya, penahu bahasa Melayu telah mendeskripsikan KKT sebagai kata kerja yang wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Pendapat ini akan menyebabkan KKT berpenanda meN-kan menghasilkan satu struktur sahaja iaitu meN-kan + Objek. Bagaimanapun, berdasarkan data korpus berkomputer didapati bahawa KKT berpenanda meN-kan bukan sahaja menghasilkan struktur meN-kan + Objek, malah turut menghasilkan pelbagai struktur lain seperti meN-kan + KGNT, meN-kan + KSN + Objek, meN-kan + Kata Keterangan + Objek dan meN-kan + Objek Sifar. Ini membuktikan bahawa pendeskripsian KKT oleh penahu terdahulu agak kurang tepat. Bagi menghuraikan perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dengan lebih menyeluruh, maka pendekatan eklektik yang menggabungkan beberapa teori dalam sesuatu analisis bahasa telah digunakan. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah teori Relevans, teori Transformasi Generatif dan teori Linguistik Kognitif. Gabungan beberapa teori tersebut mampu untuk menghasilkan suatu analisis yang lebih berpada dan berwibawa.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## ABSTRACT

This study describes the morpho-syntactic behavior of the affix meN-kan based on the computerised corpus data. The morpho-syntactic behavior of the affix meN-kan as a transitive verb marker can be observed clearly through the structural approach. Generally, most Malay grammarians claim that the transitive verb marker is compulsorily followed by an object. This opinion will enable the transitive verb with the affix meN-kan to produce only one structure that is meN-kan + Object. However, according to computerised corpus data, transitive verb with the affix meN-kan not only produces the structure of meN-kan + Obj but also produces variety of other structures such as meN-kan + Demonstrative Pronouns, meN-kan + Prepositions + Object, meN-kan + Adjectives + Object and meN-kan + Zero Object. This proves that the descriptions of transitive verb marker by former grammarians are not adequate. To describe the morpho-syntactic behavior of the above mention in more detail an eclectic approach, which combines several theories in an analysis of a language, has been used. The theories which have been applied in this research are Relevance theory, Transformation Generative theory and Cognitive Linguistic theory. The combination of these theories has produced a more viable and concrete result.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

### HALAMAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi



### BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.4.1 Pendidik bahasa Melayu	
1.4.2 Pengguna bahasa Melayu	
1.4.3 Pegawai Perancang bahasa Melayu	
1.4.4 Ahli-ahli bahasa	
1.5 Bidang Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.6.1 Imbuhan meN-kan	
1.6.2 Data Korpus Berkomputer	





1.7	Definisi Konsep	9
1.7.1	Perilaku Morfo-sintaksis	
1.7.2	Pendekatan Struktural	
1.7.3	Imbuhan	
1.7.4	Kata Kerja Transitif	
1.7.5	Objek	
1.8	Kesimpulan	13

## BAB II KOSA ILMU

2.1	Pengenalan	14
2.2	Huraian Tentang Imbuhan meN-kan, KKT dan Objek	15
2.2.1	Huraian Za'ba	
2.2.2	Huraian Asmah Hj. Omar	
2.2.3	Huraian Nik Safiah Karim	
2.2.4	Huraian Abdullah Hassan	
2.2.5	Huraian Asraf	
2.2.6	Huraian Hashim Hj. Musa	
2.2.7	Huraian Arbak Othman	
2.2.8	Huraian Mees.C.A	
2.2.9	Huraian Darwis Harahap	
2.2.10	Huraian Wong Khek Seng	
2.2.11	Huraian Mohd. Azemi Mohd. Yusoff	
2.2.12	Huraian Mat Zaid Latif	

2.3	Ulasan Kritis	34
2.3.1	Imbuhan meN-kan	
2.3.2	KKT Wajib Berobjek	
2.3.3	KKT Objek Sifar	

2.4	Kesimpulan	38
-----	------------	----

## BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Metodologi Kajian	39
3.2.1	Kaedah Penyelidikan	
3.2.2	Pendekatan kajian	
3.3	Kerangka Teori	41
3.3.1	Teori Relevans	
3.3.2	Teori Linguistik Kognitif	
3.3.3	Teori Transformasi Generatif	





3.4	Sumber Data	52
3.4.1	Data Korpus	
3.4.2	Konkordans	
3.4.3	Kolokasi	
3.5	Pewajaran Data Korpus	56
3.6	Penjanaan Data Korpus	56
3.7	Analisis Data Korpus	62
3.7.1	Pengkelasan Data	
3.7.2	Penganalisisan Data	
3.8	Kesimpulan	65

#### BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	66
4.2	Struktur meN-kan + Objek	67
4.3	Struktur meN-kan + Kata Ganti Nama Tunjuk	73
4.4	Struktur meN-kan + KSN + Objek	84
4.5	Struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek	94
4.6	Struktur meN-kan + Objek Sifar ( $\emptyset$ )	104
4.7	Kesimpulan	127



#### BAB V PENUTUP

5.1	Pengenalan	128
5.2	Kesesuaian Metodologi Kajian	128
5.3	Dapatan Kajian	128
5.3.1	Tiga Struktur meN-kan	
5.3.2	KKT Bahasa Melayu	
5.4	Implikasi Kajian	132
5.5	Saranan Masa Muka	134
5.6	Kesimpulan	134





## RUJUKAN

### LAMPIRAN

- A Data Korpus Berkomputer Dalam Bentuk Konkordans
- B Data Korpus Berkomputer Dalam Bentuk Konkordans, Ayat dan Perenggan
- C Struktur meN-kan + Objek
- D Struktur meN-kan + KGNT
- E Struktur meN-kan + Objek + KSN + Objek
- F Struktur meN-kan + KSN + Objek
- G Struktur meN-kan + KSN (*lain*) + Objek
- H Struktur meN-kan + Kata Keterangan + Objek
- I Struktur meN-kan + Objek Sifar





x

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1	Kelas Kata Kerja Padanan Bahasa Inggeris	46
Jadual 2	Kelas Kata Kerja Padanan Bahasa Melayu	47
Jadual 3	Fitur Kelas Kata Kerja	47
Jadual 4.1	Struktur meN-kan + Objek 1 + KSN + Objek 2	86
Jadual 4.2	Struktur meN-kan + KSN + Objek 1	87
Jadual 5	Pengguguran Maklumat Umum	93





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
Rajah 1	Konkordans dan Kolokasi	55
Rajah 2.1	Senarai Korpus	57
Rajah 2.2	Memilih Subkorpus	58
Rajah 2.3	Memilih Perkataan Yang Dikehendaki	59
Rajah 2.4	Baris Konkordans Perkataan Yang Dicari	60
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
Rajah 2.5	Mengisih Baris Konkordans	61
Rajah 2.6	Pengisihan Korpus Selepas Kata Kunci	62



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN:

FA	:	frasa adjektif
FK	:	frasa kerja
FN	:	frasa nama
FP	:	frasa predikat
KA	:	kata adjektif
KGND	:	kata ganti nama diri
KGNT	:	kata ganti nama tunjuk
KK	:	kata kerja
KKB	:	kata kerja bantu
KKT	:	kata kerja transitif
KKTT	:	kata kerja tak transitif
KN	:	kata nama
KSN	:	kata sendi nama
PEN	:	penentu
PENG	:	penguat
PLKP	:	pelengkap
PNR	:	penerang
RSF	:	rumus struktur frasa
TG	:	transformasi generatif



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bidang linguistik telah berkembang dengan pesat selaras dengan kemajuan sains dan teknologi yang dicapai oleh manusia. Kemajuan sains dan teknologi membolehkan peralatan moden dicipta (*seperti spektrogram, sinar katob dan computerised speech lab*) dan seterusnya digunakan dalam ilmu linguistik untuk menjelaskan fenomena sesuatu bahasa (Badrul Zaman Abdul Hamid 2000). Namun begitu, ilmu linguistik masih dilihat sekadar berfungsi untuk menjelaskan fenomena bahasa serta cara berbahasa dengan betul dalam sesuatu bahasa. Selain itu, ilmu linguistik yang terdiri daripada beberapa bidang seperti morfologi, sintaksis, fonologi dan semantik dianggap sebagai bidang yang terasing antara satu sama lain. Keterasingan ini dilihat tidak selaras dengan kemajuan bidang lain yang mempunyai hubungan antara muka, misalnya hubungan antara biologi dan kimia menghasilkan bidang bio-kimia dan sebagainya.

Menyedari hakikat tersebut, ahli-ahli linguistik mula membuat penyelidikan dengan mewujudkan hubungan antara muka misalnya hubungan morfologi dan fonologi menghasilkan analisis morfo-fonologi, gabungan morfologi dan semantik menghasilkan bidang morfo-semantik dan sebagainya. Fenomena ini membolehkan analisis dilakukan dengan lebih berkesan dan berpada dalam menghuraikan sesuatu fenomena bahasa.





Dewasa ini, wujud pula fenomena penggabungan ilmu linguistik dengan ilmu-ilmu lain seperti gabungan linguistik dan komputer melahirkan bidang linguistik berkomputer. Ilmu linguistik telah mencapai kemajuan yang pesat setelah Chomsky menerbitkan dua buah bukunya iaitu *Syntactic Structures* (1957) dan *Aspects of The Theory of Syntax* (1965) yang telah mengadaptasikan rumus-rumus matematik ke dalam ilmu linguistik. Revolusi yang diperkenalkan oleh Chomsky dalam bidang linguistik membolehkan ilmu ini berkembang dan bergabung dengan ilmu-ilmu lain terutamanya bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kedua-dua bidang ilmu ini seakan-akan tidak boleh dipisahkan kerana sifatnya yang saling perlu memerlukan. Bagi membangunkan sesuatu perisian komputer, ilmu linguistik diperlukan sebagai pengaturcara bahasa komputer. Bidang linguistik juga sangat memerlukan komputer terutama untuk memproses dan menganalisis data. Data untuk kajian linguistik tidak lagi terhad kepada data lapangan ataupun data teks berbentuk buku. Kini, teks yang berbentuk digital membolehkan seseorang penyelidik linguistik memproses data korpus dengan lebih pantas.



Menyedari hakikat bahawa era kemajuan ICT yang sedang memuncak, penyelidik telah memanfaatkan kemajuan teknologi komputer untuk mengkaji data dengan menggunakan data korpus berkomputer. Data korpus berkomputer sangat sesuai untuk dijadikan data penyelidikan linguistik sama ada untuk linguistik tulen (seperti morfologi dan semantik) mahupun linguistik terapan (seperti leksikografi dan pengajaran bahasa). Perihal betapa pentingnya korpus berkomputer terhadap ilmu linguistik dapat dilihat melalui pendapat Sinclair iaitu beliau berpendapat bahawa linguistik abad ke-20 merupakan linguistik ketandusan bukti. Katanya, pendekatan ahli linguistik teoritis cenderung membuat ramalan melulu tanpa bukti korpus (dalam Noresah Baharom 1986). Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan data korpus berkomputer yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengkaji perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dalam bahasa Melayu. Melalui data korpus berkomputer, data-data dapat diproses dengan cepat berbanding data teks yang berbentuk buku.

Berdasarkan data korpus berkomputer tersebut, kajian ini berfokus kepada perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dan hubungannya dengan objek. Dalam





kajian ini, perilaku imbuhan meN-kan bermaksud sifat atau sikap imbuhan meN-kan sama ada perlu mengambil sesuatu objek atau sebaliknya yang seterusnya dapat menggambarkan ‘habitat’ dan keperluan imbuhan meN-kan. Penggunaan imbuhan meN-kan terhadap sesuatu kata dasar akan menyebabkan kata dasar tersebut bertukar menjadi kata kerja transitif (KKT).

Kebiasaannya, setiap KKT wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Kehadiran objek selepas KKT dapat dilihat dengan jelas melalui pendekatan struktural iaitu melihat struktur imbuhan meN-kan pada baris-baris konkordans yang dihasilkan melalui korpus berkomputer. Selain itu, berdasarkan pendekatan struktural juga perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dapat diperlihatkan dengan jelas berdasarkan kolokasi atau kehadiran imbuhan meN-kan bersama-sama perkataan lain. Melalui struktur serta kolokasi imbuhan meN-kan dengan perkataan-perkataan lain, maka perilaku imbuhan meN-kan sama ada wajib diikuti oleh objek atau sebaliknya dapat ditentukan dengan tepat.



Kajian terhadap perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan melibatkan bidang morfologi dan sintaksis. Gabungan dua bidang ini menghasilkan analisis morfo-sintaksis. Bidang morfologi dan sintaksis diperlukan untuk menjelaskan perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT dan hubungannya dengan objek.

Selain itu, sebarang struktur meN-kan yang melibatkan konteks akan dijelaskan melalui Teori Relevans. Teori Relevans merupakan salah satu teori yang terkemuka dalam bidang semantik-pragmatik (Nor Hashimah Jalaluddin (1992). Justeru, teori ini merupakan suatu teori yang paling sesuai dan berwibawa untuk menjelaskan sebarang struktur meN-kan yang melibatkan konteks atau aspek non-linguistik. Aplikasi terhadap analisis morfo-sintaksis dan teori relevans dalam kajian ini diharapkan akan menghasilkan suatu analisis yang jitu dan mantap.





## 1.2 Penyataan Masalah

Pada umumnya, kesemua penahu bahasa Melayu telah bersepakat bahawa setiap KKT wajib diikuti oleh objek sebagai penyambut. Penahu-penahu juga bersetuju bahawa imbuhan -kan dari aspek morfologi akan menjadi penanda kepada KKT kerana imbuhan tersebut akan mentransitifkan kata kerja. KKT merupakan kata kerja yang memerlukan objek sebagai penyambut.

Kajian tentang KKT telah banyak dilakukan oleh penahu bahasa Melayu. Kesemua penahu seperti Za'ba (1965), Nik Safiah Karim et al. (1997), Asmah Hj. Omar (1993) dan Abdullah Hassan (1986) telah bersetuju bahawa KKT memerlukan objek selepas kata kerja tersebut. Generalisasi yang boleh dibuat berdasarkan pendapat penahu-penahu tersebut ialah perilaku imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT wajib diikuti oleh objek iaitu objek wajib hadir dan tidak boleh bersifat opsional. Bagaimanapun, Hashim Hj. Musa (1990), Wong Khek Seng (1990) dan Darwis Harahap (1996) telah berpendapat bahawa objek tidak wajib hadir selepas KKT.

Pendapat mereka ada kebenarannya kerana tinjauan awal terhadap data korpus berkomputer didapati bahawa terdapat fenomena KKT yang tidak diikuti oleh objek sehingga menghasilkan struktur meN-kan + Objek Sifar. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa terdapat perilaku imbuhan meN-kan yang mengalami keadaan objek sifar atau ketiadaan objek sebagai penyambut. Pandangan ini sudah tentu bertentangan dengan pendapat penahu-penahu yang menjelaskan bahawa objek wajib hadir selepas kata kerja transitif.

Selain itu, terdapat satu lagi permasalahan berkaitan dengan pendapat Asraf (1989) yang menyatakan bahawa KKT dan objek tidak boleh dipisahkan oleh manapun perkataan. Beliau berpendapat bahawa unsur-unsur lain tidak boleh disisipkan antara KKT dengan objek. Bagaimanapun, berdasarkan kajian Wong Khek Seng (1990) dan Darwis Harahap (1996), didapati bahawa unsur-unsur lain boleh hadir untuk memisahkan KKT dengan objek. Tinjauan awal oleh pengkaji ke atas data korpus berkomputer telah menunjukkan bahawa pendapat Wong Khek Seng (1990)



dan Darwis Harahap (1996) ada kebenarannya. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa terdapat perilaku imbuhan meN-kan yang diikuti oleh unsur-unsur lain seperti kata keterangan (adverba) dan kata sendi nama (KSN). Kehadiran unsur-unsur tersebut telah menjadi pemisah antara KKT dengan objek. Setiap kehadiran unsur-unsur lain selepas KKT dapat diramalkan akan melaksanakan fungsi-fungsi yang tersendiri.

Sebagai rumusannya, pertentangan pendapat antara penahu-penahu di atas, telah menunjukkan bahawa terdapat permasalahan berkaitan dengan KKT yang berpenanda meN-kan. Berdasarkan permasalahan tersebut, satu kajian yang lebih komprehensif dengan menggunakan data korpus berkomputer wajar dilakukan bagi merungkaikan permasalahan tersebut.

Kekeliruan tersebut timbul kerana terdapat penahu-penahu bahasa Melayu terutama yang berfahaman aliran Transformasi Generatif (TG), tidak menggunakan data korpus lapangan semasa menghasilkan rumus KKT. Oleh itu, kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan data korpus berkomputer yang bersifat lebih telus kerana dapat memaparkan fenomena penggunaan berbahasa oleh masyarakat yang realistik dan bukannya data bikinan sendiri.

### 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT. Secara umumnya, setiap KKT yang menggunakan penanda meN-kan, memerlukan objek sejurus selepas KKT. Pendapat lama tentang KKT ialah kehadiran objek sejurus selepas KKT akan menjadikan ayat tersebut sebagai gramatis<sup>1</sup> dan logik dari segi semantik. Bagaimanapun, berdasarkan hipotesis kajian ini, terdapat perilaku imbuhan meN-kan yang tidak diikuti oleh objek sebaliknya boleh terhasil dalam pelbagai struktur. Justeru, kajian ini juga bertujuan untuk menguji rumus KKT yang telah dihasilkan oleh penahu-penahu bahasa Melayu dengan menggunakan data korpus berkomputer.

<sup>1</sup> Menurut Ramli Md. Salleh (2000:128) setiap KKT yang tidak diikuti oleh objek akan ditakrifkan sebagai tidak gramatis.



## 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian tentang perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan wajar dilaksanakan untuk menentukan apakah perilaku sebenar imbuhan meN-kan sama ada wajib diikuti oleh objek atau sebaliknya. Dapatkan kajian ini akan membantu pengguna bahasa Melayu memahami permasalahan di atas dengan lebih jelas dan seterusnya dapat menggunakan imbuhan meN-kan serta KKT dengan lebih tepat dan betul. Oleh itu, secara khususnya kajian ini memberi kepentingan kepada beberapa pihak, iaitu :

### 1.4.1 Pendidik bahasa Melayu

Dapatkan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada para pendidik bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi dalam membicarakan perilaku imbuhan meN-kan, KKT serta hubungannya dengan objek. Dapatkan kajian ini juga diharapkan akan menjadi panduan yang berguna kepada para pelajar dalam memahami dan menggunakan imbuhan meN-kan dan KKT dengan lebih tepat.

### 1.4.2 Pengguna bahasa Melayu

Selain itu, bagi semua pengguna bahasa Melayu terutama bagi pihak yang terlibat secara langsung dalam dunia penulisan seperti wartawan ataupun editor diharapkan dapat memahami secara mendalam tentang perilaku imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT supaya hasil penulisan mereka boleh difahami oleh pembaca dengan lebih baik. Gaya penulisan mereka selalunya akan menjadi ikutan terutamanya kepada para pelajar.

### 1.4.3 Pegawai Perancang bahasa Melayu

Dapatkan kajian ini juga diharap akan membantu pegawai perancang bahasa Melayu khususnya di Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerima pakai KKT berpenanda meN-kan dengan lebih betul. Hal ini penting kerana pihak perancang bahasa yang mempunyai kuasa dalam memutuskan bentuk-bentuk yang betul dan boleh diguna



pakai dengan bentuk-bentuk yang salah. Kajian ini juga akan membantu pegawai perancang bahasa menjawab semua persoalan yang dihadapi berkaitan dengan perilaku imbuhan meN-kan dan hubungannya dengan KKT.

#### 1.4.4 Ahli-ahli bahasa

Dapatkan kajian ini diharap akan membantu ahli-ahli bahasa terutama dalam penghasilan buku-buku linguistik bahasa Melayu. Kajian ini akan membantu ahli-ahli bahasa memahami perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dengan lebih baik. Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan akan mengubah persepsi ahli bahasa terhadap rumus yang mengatakan bahawa objek wajib hadir selepas KKT yang menggunakan penanda meN-kan. Ini akan membantu ahli-ahli bahasa membuaturaian tentang KKT dengan lebih tepat dan menyeluruh.

### 1.5 Bidang Kajian

Bidang kajian ini ialah morfologi, tetapi analisisnya turut dibantu oleh bidang sintaksis. Bidang morfologi ini berfokus kepada imbuhan meN-kan sebagai penanda KKT. Bidang sintaksis pula berfokus pada KKT dan hubungannya dengan objek dalam sesuatu struktur meN-kan. Fenomena KKT yang ketiadaan objek atau diikuti oleh unsur-unsur lain akan dijelaskan melalui analisis morfo-sintaksis, teori Linguistik Kognitif dan teori relevans. Misalnya, fenomena ketiadaan objek selepas KKT tidak mampu dijelaskan melalui analisis morfologi atau sintaksis kerana fenomena tersebut melibatkan konteks. Oleh itu, teori relevans diperlukan untuk menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan konteks yang merupakan aspek non-linguistik.

Pemilihan Teori Relevans yang merupakan suatu teori semantik-pragmatik yang berwibawa dengan sendirinya akan menghasilkan suatu analisis yang lebih menyeluruh iaitu mencakupi aspek linguistik dan non-linguistik. Penggunaan teori relevans ini mampu untuk menerangkan sebarang struktur meN-kan misalnya struktur mcN-kan + objek sifar yang melibatkan konteks. Hubungan antara muka antara ketiga-tiga bidang ini iaitu morsologgi, sintaksis dan semantik-pragmatik akan menghasilkan suatu analisis yang lebih berkesan dan berwibawa.



## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan supaya tidak menjadi terlampau luas. Walaupun kajian ini mempunyai batasan, namun batasan tersebut tidak akan mempengaruhi dapatan kajian. Dapatan kajian ini akan selari dengan skop kajian yang telah ditetapkan. Penerangan di bawah ini akan menjelaskan batasan-batasan kajian iaitu:

### 1.6.1 Imbuhan meN-kan

Imbuhan –kan sebagai pentransitifan kata kerja terbatas kepada bentuk –kan yang hadir bersama-sama imbuhan awalan meN- untuk membentuk imbuhan apitan meN-kan. Imbuhan awalan meN- dalam kata kerja membawa maksud kata kerja itu mempunyai ragam aktif. Kajian ini tidak akan menyentuh imbuhan –kan yang wujud sebagai bentuk imbuhan akhiran yang tersendiri. Kajian ini hanya terbatas kepada imbuhan apitan meN-kan sahaja. Imbuhan apitan selain daripada meN-kan tidak akan dikaji. Imbuhan meN-kan yang akan dikaji terdiri daripada varian *me-kan*, *mem-kan*, *men-kan*, *meng-kan*, *menge-kan* dan *meny-kan*. Kesemua bentuk imbuhan meN-kan di atas merupakan penanda kepada KKT beragam aktif. Bentuk ragam pasif tidak akan disentuh dalam kajian ini.

### 1.6.2 Data Korpus Berkomputer

Kajian tentang perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan ini dilakukan dengan menggunakan data korpus berkomputer, Dewan Bahasa dan Pustaka. Data korpus berkomputer yang terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka ini terdiri daripada pelbagai jenis bahan seperti buku, akhbar, majalah, kertas kerja dan sebagainya. Data korpus ini juga meliputi bentuk prosa (moden dan klasik) dan puisi. Data korpus yang akan dikaji ini hanya terbatas kepada bentuk akhbar iaitu akhbar Berita Harian terbitan The New Straits Time Press (M'sia) Bhd. sahaja. Lebih khusus lagi data korpus akhbar ini terbatas kepada Berita Harian yang diterbitkan dari 1 hingga 31 Disember 2002.





## 1.7 Definisi Konsep

Kajian ini menggunakan beberapa istilah seperti perilaku morfo-sintaksis, imbuhan, objek, KKT dan sebagainya yang perlu dijelaskan supaya konsepnya menjadi lebih jelas dan tepat.

### 1.7.1 Perilaku Morfo-sintaksis

Menurut Kamus Dewan (1996: 1019), perilaku bermaksud tindak-tanduk atau reaksi seseorang terhadap sesuatu yang menggambarkan sikapnya. Morfo-sintaksis merupakan interaksi antara muka dua bidang linguistik iaitu morfologi dan sintaksis. Menurut Nik Safiah Karim et al. (1997:43), morfologi merupakan bidang ilmu yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada dalam bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula merupakan proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Ramli Md. Salleh (1997:205) mentakrifkan sintaksis sebagai cabang linguistik yang mengkaji proses pembinaan ayat seperti penyusunan kata kepada ayat dan cara hubungan antara kata dalam ayat. Justeru, morfo-sintaksis boleh ditakrifkan sebagai ilmu mengkaji perkataan serta susunannya dalam sesuatu ayat.

Dalam kajian ini, perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan bermaksud sikap, perangai atau tingkah laku imbuhan meN-kan sama ada mengambil atau tidak objek selepas KKT. Selain itu, terdapat juga perilaku imbuhan meN-kan yang mengambil unsur-unsur lain terutama yang melibatkan konteks. Perilaku imbuhan meN-kan akan menghasilkan pelbagai struktur. Kepelbagaiannya dapat dilihat kerana kajian ini menggunakan pendekatan struktural iaitu melihat sesuatu unsur linguistik berdasarkan struktur yang terhasil. Melalui pendekatan struktural, perilaku imbuhan meN-kan dapat dilihat dengan jelas.



### 1.7.2 Pendekatan Struktural

Pendekatan struktural merupakan salah satu pendekatan yang popular dalam kajian linguistik. Menurut Harimurti Kridalaksana (1990:30) suatu pendekatan dikenali sebagai struktural apabila sasarannya ialah unsur yang membentuk suatu wujud atau hubungan-hubungan antara bahagian-bahagian daripada suatu keutuhan. Farid M. Onn (2000: 5) menjelaskan bahawa aliran struktural melihat bahasa bukan sebagai satu teori (tentang sifat-sifat bahasa) tetapi sebagai satu prosedur penghuraian dan penganalisisan bahasa. Kajian linguistik aliran ini berperingkat iaitu meletakkan peringkat semantik pada tempat paling atas dan peringkat fonologi pada tempat paling bawah.

### 1.7.3 Imbuhan

Ramli Hj. Salleh et al. (1997:97) menjelaskan bahawa imbuhan merupakan morfem terikat yang diletakkan sama ada di awal, tengah atau di akhir sesuatu kata dasar untuk membentuk satu kata baru. Morfem terikat lazimnya akan mengubah makna kenahuan kata baru yang terhasil. Morfem terikat bermaksud morfem yang tidak boleh berdiri sendiri sebagai kata dan hanya wujud sebagai imbuhan yang digabungkan dengan morfem lain. Misalnya imbuhan *-kan* dalam *bacakan*. Abdullah Hassan (1992:106) juga telah menyamakan morfem terikat dengan imbuhan yang boleh dibahagikan kepada imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan kurungan (apitan).

Bahasa Melayu yang lahir dari cabang keluarga Austronesia merupakan satu bahasa yang bersifat aglutinatif iaitu perkataannya terbentuk melalui proses pengimbuhan (Nuwairi Hj. Khazaai 1991). Menurut Adrian Akmajian et. al (1997) imbuhan ialah morfem terikat yang ditambahkan pada kata dasar. Langacker, R.W (1973), menerangkan bahawa kehadiran imbuhan bersama-sama kata dasar boleh mengekal atau mengubah kelas kata kerana satu imbuhan mempunyai satu kesatuan makna.

#### 1.7.4 Kata Kerja Transitif (KKT)

Menurut Asmah Hj. Omar (1993), KKT merupakan kata kerja yang boleh diikuti oleh objek. KKT boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata kerja ekatransitif (dengan satu objek) dan dwitransitif (dengan dua objek). Kata kerja ekatransitif terbahagi kepada dua iaitu transitif jati (boleh dipasangkan) dan transitif semu (tidak boleh dipasangkan). Kata kerja dwitransitif pula merupakan transitif jati. Transitif semu boleh mempunyai objek frasa dan objek klausa. Za'ba (1965:121) menamakan KKT sebagai perbuatan melampau yang memerlukan benda atau penyambut selepas pembuatnya.

#### 1.7.5 Objek

Nik Safiah Karim et al. (1997:563) mendefinisikan objek sebagai bentuk kata nama atau kumpulan kata nama yang menjadi penyambut KKT. Objek boleh dibahagikan kepada dua iaitu objek tepat dan objek sipi. Objek tepat merupakan bentuk kata nama yang menjadi penyambut langsung pada kata kerja. Manakala objek sipi pula merupakan bentuk kata nama yang menjadi penyambut tidak langsung pada kata kerja.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohamad (1994), objek ialah orang, benda atau perkara yang terkena perbuatan transitif. Oleh itu, objek tidak boleh dibuang atau digugurkan. Sekiranya objek digugurkan, ayat akan menjadi salah dan tidak gramatis.

Wong Khek Seng (1990) dalam makalahnya berjudul *Objek dalam Bahasa Melayu* telah menjelaskan bahawa terdapat lapan jenis objek dalam bahasa Melayu, iaitu:

- 1) Objek Sederhana iaitu objek ini tidak berimbuhan atau bergandaan dan selalunya terdiri daripada FN satu kata sahaja. Misalnya:  
Akhirnya dia meninggalkan *rumah* dan...

- 2) Objek Genitif iaitu objek menjadi pemilik kepada subjek dan selalunya pemiliknya digantikan oleh kata ganti nama diri ketiga iaitu ‘nya’. Misalnya:  
...tetapi bukanlah aneh seseorang yang lemah akan tiba-tiba saja bangkit berjuang untuk mendapatkan haknya.
- 3) Objek D-M iaitu mengandungi unsur yang diterangkan ‘mendahului’ unsur yang ‘menerangkan’ atau kata keterangan. Misalnya:  
...suara dari sudut hati menyuruhnya *memulakan perjuangan merebut kembali kebahagiaannya*.
- 4) Objek Terbitan iaitu objek yang pada asalnya kata sifat atau kata kerja, tetapi setelah dibubuhkan imbuhan awalan, akhiran atau apitan, maka terbitlah objek terbitan. Misalnya:  
...sejari demi sejari, meningkatkan *kepanasan*.
- 5) Objek Penggandaan iaitu frasa nama (FN) yang terdiri daripada objek dan kata nama / FN itu diulang. Misalnya:  
Datanglah gegaran yang mampu meranapkan *gabuk-gabuk* dan *rumah-rumah*...
- 6) Objek Penjodoh Bilangan iaitu FN / objek itu mempunyai penjodoh bilangan yang khusus. Misalnya  
Ila tiba-tiba meletakkan *setin* susu, bungkus gula dan ikan...
- 7) Objek Ganti Nama Penunjuk iaitu objek asal yang telah digantikan dengan ganti nama penunjuk ‘itu’ dan ‘ini’. Misalnya:  
Tetapi dia tidak tahu, bagaimana memulakan *itu* kecuali...
- 8) Objek Sifar/Tanpa Objek iaitu objek telah digugurkan melalui proses pengguguran. Misalnya:  
Bau air longkang menusuk hidungnya – busuk dan *meloyakan*.

## 1.8 Kesimpulan

Penghuraian KKT bahasa Melayu tidak akan lengkap dan menyeluruh seandainya huraian itu dibuat tanpa bersandarkan teori dan data korpus yang berwibawa. Menghuraikan KKT dengan bersandarkan ayat bikinan sendiri akan menyebabkan huraian itu tidak bersifat menyeluruh dan seterusnya akan menimbulkan masalah kepada pengguna bahasa itu sendiri. Menyedari hakikat tersebut, kajian ini yang berjudul *Perilaku Morfo-sintaksis Imbuhan meN-kan : Analisis Data Korpus Berkomputer*, diharapkan dapat menambah-baik cerakinan berkaitan perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan dan KKT dalam bahasa Melayu. Dalam bab ini juga telah diterangkan tentang kajian yang menggunakan pendekatan hubungan antara muka iaitu antara bidang morfologi dan sintaksis bagi menganalisis perilaku morfo-sintaksis imbuhan meN-kan bahasa Melayu. Selain itu, beberapa aspek penting seperti permasalahan kajian, kepentingan kajian dan beberapa definisi konsep yang akan diguna pakai dalam kajian ini, turut diperjelaskan.